

Newspaper	Berita Harian
Date	28/2/2012

Dasar MBMMBI di sekolah menengah, rendah kekal

PUTRAJAYA: Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) di sekolah menengah dan rendah di negara ini terus dikekalkan, walaupun masih ada pihak mendesak supaya kerajaan mengkaji semula pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata tindakan kerajaan memansuhkan PPSMI adalah tepat kerana kajian menunjukkan tidak sampai enam peratus guru menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar subjek Sains dan Matematik di sekolah.

Katanya, isu meneruskan semula PPSMI tidak seharusnya timbul kerana kerajaan memutuskan melaksanakan soft-landing sehingga 2026, bagi membolehkan pelajar sekolah rendah dan menengah di bawah sistem PPSMI meneruskan pengajian seperti biasa dalam dwibahasa atau bahasa Inggeris.

Katanya, kerajaan juga membe-

narkan kira-kira lima juta pelajar kohort PPSMI meneruskan pembelajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan Lima atau soft-landing selesai sepenuhnya pada 2026.

"Mungkin saya ada perbezaan dengan Tun (bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad) berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains. Tun memang tetap dengan pendiriannya bahawa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

"Bagaimanapun, bagi saya lebih baik kita meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris untuk kita kuasai sesuatu bidang ilmu. Maksudnya kita perlu perbaiki cara menguasai bahasa Inggeris tetapi bukannya belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyertai sesi perbincangan meja bulat bertajuk Tamadun Melayu Pasca Modenisasi di sini, semalam.



DR MAHATHIR bersalaman dengan peserta perbincangan meja bulat bertajuk Tamadun Melayu Pasca Modenisasi di Putrajaya, semalam.

Turut hadir, Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak dan bekas Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Tan Sri Dr Nordin Kardi selaku pengerusi persidangan itu.

Terdahulu, ketika ditemui pemberita, Dr Mahathir yang turut menjadi ahli panel dalam persida-

ngan itu terus mempertahankan pandangannya bahawa PPSMI perlu diteruskan kerana ia dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sepatutnya meneruskan PPSMI kerana kebanyakan ilmu dan peneemuan baru dalam bidang Sains dan Matematik ketika ini ditulis dalam bahasa Inggeris.